

Pelajar Tingkatan Satu lemas

Mangsa hilang ketika memasang pukat bersama abang di bendang

Oleh Azmi Md Deros, Adha Ghazali, Nahar Tajri, Zuliati Zulkifli, Betty Subaryati dan Asrol Awang
bhnews@bharian.com.my

ALOR SETAR: Seorang pelajar berusia 13 tahun menjadi mangsa pertama lemas dalam kejadian banjir di Kedah ketika mencari ikan di kawasan sawah yang ditenggelami banjir di Kampung Pong, Kuala Nerang lewat petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.30 petang itu, mangsa, Mohd Zaki Amani Shaari, 13, bersama abangnya Sallehudin Al Ayubi Shaari, 15 pergi ke kawasan bendang berhampiran rumahnya untuk menangkap ikan menggunakan pukat.

Bagaimanapun, ketika sedang asyik menahan pukat Sallehudin menyedari adiknya hilang menyebabkannya panik dan cuba mencari di sekitar kawasan berkenaan, namun hanya terjumpa selipar yang dipakai adiknya.

Sallehudin kemudian ber-



KEADAAN bandar Kangar yang ditenggelami banjir setinggi 0.5 hingga 1 meter, semalam.

gegas pulang dan memberitahu keluarga yang melaporkan kejadian itu kepada pihak polis.

Ketua Polis Daerah Padang Terap, Deputy Superintendan, Ku Yaacob Ku Ahmad ketika dihubungi berkata ketika dihubungi berkata mayat mangsa ditemui pada kira-kira jam 7 malam tadi.

Sementara itu, keadaan banjir di Kedah bertambah buruk apabila lebih 15,000 penduduk terpaksa dipindahkan ke 159 pusat penempatan sementara di empat da-

erah yang terjejas teruk akibat bencana itu sejak dua hari lalu.

Jurucakap bilik gerakan banjir negeri ketika dihubungi berkata, Kubang Pasu mencatat mangsa dipindahkan paling ramai, iaitu 10,834 orang membabitkan 3,108 keluarga ditempatkan di 31 pusat pemindahan, manakala Padang Terap pula seramai 3,560 daripada 941 keluarga di 41 pusat pemindahan.

Di Kota Setar, 709 orang daripada 202 keluarga dipin-

dahkan ke tujuh pusat pemindahan dan Pokok Sena 368 orang di lapan pusat pemindahan.

Sehingga jam 6.30 petang semalam empat sungai melepasi paras bahaya iaitu Sungai Kampung Kubu di Kuala Nerang mencatat bacaan 15.5 meter, berbanding paras bahaya 13.5 meter, manakala Sungai Bata di Kubang Pasu mencecah 10.22 meter, berbanding paras bahaya 9.14 meter.

Di KANGAR, banjir ber-

tambah buruk apabila jumlah mangsa yang dipindahkan meningkat kepada 4,536 orang di 35 pusat pemindahan di negeri ini, selain lebih 11,000 hektar sawah dilaporkan tenggelam selepas hampir dua pertiga daripada negeri ini dilanda banjir bermula malam Ahad lalu.

Selain bandar ini, pekan Arau membabitkan sekitar Istana Diraja Arau turut dilaporkan terjejas kerana di-genangi air.

Di RANTAU PANJANG: Seramai 340 mangsa banjir membabitkan 101 keluarga di Rantau Panjang dipindahkan ke tiga pusat pemindahan banjir di sini, malam kelmarin dan awal pagi semalam, berikutan hujan lebat sejak Jumaat lalu, menyebabkan air Sungai Golok melimpahi kampung mereka.

Di KUANTAN, Kerajaan negeri menyediakan sebanyak 600 pusat pemindahan di seluruh daerah yang boleh menampung lebih 100,000 mangsa banjir dan boleh beroperasi bila-bila masa jika berlaku banjir.

Peperiksaan SPM, STPM kekal 22 November

SERI KEMBANGAN: Jadwal peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) bermula 22 November ini kekal walaupun berlaku banjir di beberapa negeri di utara Semenanjung, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran berkata, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) di negeri yang terbahit banjir sudah diarahkan mencari langkah memastikan peperiksaan berjalan lancar walaupun sekolah yang sepatutnya menjadi pusat peperiksaan dijadikan pusat pemindahan mangsa banjir.

"Setakat ini tidak ada keputusan menukar tarikh peperiksaan melainkan mengikut tarikh yang ditetapkan. Jika ada sekolah menengah yang mengendalikan peperiksaan dijadikan pusat pemindahan banjir, mereka (PPD) perlu menguruskannya supaya tidak menjejaskan proses peperiksaan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Forum Ekonomi China Sedunia 2010 di sini, semalam.

Muhyiddin berkata, kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN) turut mengaktifkan langkah menyelamatkan dan membantu mangsa banjir bersama MKN negeri.

"Setakat ini proses pemindahan dilakukan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan polis berjalan dengan baik. Kita berharap orang ramai memberi kerjasama dengan pasukan yang kita bentuk untuk mengelak perkara tidak diingini berlaku," katanya.

Sementara itu, di ALOR SETAR, Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata dua sesi Majlis Konvokesyen Ke-23 universiti itu ditangguhkan berikutan penutupan laluan di Kilometer 10.5 Lebuhraya Utara-Selatan di Changlun akibat banjir, sejak kelmarin.

Beliau berkata, sesi kelima dan keenam Majlis Konvokesyen itu terpaksa ditangguhkan ke Januari depan, tetapi tarikhnya belum ditetapkan lagi.

"Penangguhan konvokesyen pada hari terakhir ini berikutan graduan dan ahli keluarga mereka tidak dapat datang ke UUM apabila laluan di lebuh raya berkenaan ditutup akibat dinaiki banjir," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Wanita warga Jerman hilang dibawa arus

JITRA: Seorang wanita warga Jerman berusia 64 tahun hilang dan dikhuatiri lemas, manakala anak lelaki serta menantunya terselamat dengan memanjat dan berpaut pada pokok selepas dihanyutkan arus deras dalam kejadian banjir di Kampung Kerenjis, Kota Giam, Malau, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 8 malam itu, mangsa iaitu Erna Fischer bersama anaknya Yusof Abdullah, 41, juga warga Jerman serta menantunya, Ashalehah Zain, 40, warga tempatan dikatakan panik apabila mendapati air memasuki rumah mereka melebihi paras pinggang menyebabkan mereka keluar dari rumah untuk menyelamatkan diri.

Bagaimanapun, sebaik keluar dari rumah, ketiga-tiga mereka dihanyutkan arus deras sejauh kira-kira 300 meter sebelum sempat berpaut pada pokok, manakala mangsa sempat berpaut pada jambatan buat seketika sebelum dihanyutkan arus deras.

Yusof dan isterinya ditemui oleh petugas Tenaga Na-

sional Berhad (TNB) yang datang untuk memotong kabel elektrik di kawasan berkenaan bagi tujuan keselamatan, kira-kira jam 10 malam.

Kedua-dua mereka berjaya dikeluarkan dari kawasan berkenaan sejam kemudian dengan bantuan petugas Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), selepas berada kira-kira tiga jam di atas pokok.

Ashalehah yang juga seorang suri rumah berkata, dia sempat melihat ibu menantunya berpaut pada tiang jambatan di sebatang sungai berhampiran rumah mereka, namun tidak mampu bertahan lama sebelum warga tua itu hanyut dibawa arus.

"Ketika kejadian kami dapati air mula memasuki rumah dan naik dengan cepat hingga paras pinggang sebelum kami sekeluarga mengambil keputusan keluar bagi menyelamatkan diri.

"Sebaik keluar, kami terus dibawa arus deras sebelum saya dan suami sempat berpaut, tetapi tidak dapat bertahan lama dan dihanyutkan arus deras," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.



YUSOF berlindung di atas pokok sementara menunggu diselamatkan anggota JPAM di Kampung Kota Giam, Jitra kelmarin. Gambar kecil, Ashalehah berpaut pada pokok selepas dihanyutkan arus.

SHAHRIZAL MD NOOR | BERITA HARIAN